



KENYATAAN TIDAK TEPAT, MENGELIRUKAN

Seri Paduka zahir dukacita kerana apa yang sudah diperkenan dan dititahkan berkaitan cadangan pembatalan semua Ordinan Darurat tidak dilaksanakan

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menegaskan bahawa permohonan pembatalan semua Ordinan Darurat berkuatkuasa 21 Julai lalu dilakukan secara tergesa-gesa tanpa pembentangan di Parlimen.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin menerusi satu kenyataan Istana Negara semalam menjelaskan, kenyataan itu bercanggah serta mengelirukan di Parlimen selain gagal menghormati prinsip kedaulatan undang-undang yang terkandung dalam Rukun Negara.

Malah, katanya, ia membelakangi fungsi dan kuasa Seri Paduka Baginda selaku Ketua Utama Negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Seri Paduka Baginda menzahirkan pandangan bahawa Baginda selaku Ketua Utama Negara mempunyai kewajipan untuk menyampaikan nasihat dan teguran jika berlaku sebarang tindakan yang tidak berperlembagaan oleh mana-mana pihak, khususnya mereka yang melaksanakan fungsi dan kuasa Seri Pa-

duka Baginda Yang di-Pertuan Agong," katanya.

Ahmad Fadil berkata, Seri Paduka juga amat dukacita kerana apa yang sudah diperkenan dan dititahkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Datuk Seri Takiyuddin Hassan serta Peguam Negara Tan Sri Idrus Harun bahawa cadangan pembatalan semua Ordinan Darurat perlu dibentang dan dibahaskan di Parlimen bagi tujuan diungkapkan tidak dilaksanakan.

"Seri Paduka Baginda menegaskan bahawa kenyataan Yang Berhormat Menteri di Parlimen pada 26 Julai adalah tidak tepat dan mengelirukan Ahli-Ahli Dewan Rakyat.

"Seri Paduka menegaskan bahawa dalam pemerintahan Raja Berperlembagaan dan sistem Demokrasi Berparlimen bertunjangan prinsip keluhuran berperlembagaan, semua pihak perlu mematuhi kedaulatan undang-undang.

"Perkara 150(2B) dibaca dengan Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan secara jelas memperuntukkan kuasa pengubalan dan pembatalan Ordinan-Ordinan Darurat terletak pada Seri Paduka," katanya.

Beliau berkata, Seri Paduka sedia maklum Baginda bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri seperti terkandung dalam Perkara 40(1) Per-

lembagaan Persekutuan namun menzahirkan pandangan bahawa selaku Ketua Utama Negara, Baginda mempunyai kewajipan untuk menyampaikan nasihat dan teguran jika berlaku sebarang tindakan yang tidak berperlembagaan oleh mana-mana pihak.

Ahmad Fadil berkata, Yang di-Pertuan Agong menzahirkan penghargaan kepada kerajaan di atas pelaksanaan persidangan Parlimen yang bermula pada Isnin sejajar dengan saranan Raja-Raja Melayu dalam Perbincangan Khas yang diadakan pada 16 Jun lalu.

Beliau berkata, Seri Paduka menegaskan supaya Ahli-Ahli Parlimen memberikan keutamaan kepada kemashlahatan dan kesejahteraan rakyat serta negara pada sesi sidang Parlimen yang kini sedang berlangsung untuk mencari penyelesaian terhadap pelbagai masalah yang dihadapi rakyat dan negara ketika krisis pandemik covid-19 ini.

"Seri Paduka turut mengambil kesempatan ini menyeru rakyat untuk bersama mendoakan negara sentiasa berada di bawah lindungan Allah SWT, dijauhi dari sebarang musibah dan wabak Covid-19 dapat dibendung serta diakhiri dengan segera," katanya.